

▼01/10/15-41MST

U GB 01-10 00185 BH921

AAB

Mahathir - Demokrasi

FANATIK DEMOKRASI HANYA TIMBULKAN MASALAH, MAHATHIR

Daripada Salmu Hashim

I

NEW YORK, 1 Okt (Bernama) -- "Fanatisisme demokrasi" jika diamalkan sebagai agama lebih cenderung menimbulkan masalah sosial, politik dan ekonomi daripada menyelesaikannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, Khamis.

Beliau lalu menarik perhatian kepada kejatuhan empayar komunis selama 70 tahun di Soviet Union sambil berkata: "Ini jelas menunjukkan bagaimana bahayanya menjadikan sesuatu ideologi seperti agama... penyakit masyarakat yang dihadapi negara Barat, terutama kelemahan kepimpinan berpunca daripada fahaman pelampau dalam demokrasi."

"Seperti Komunis yang tidak bertoleransi, demokrat terutama liberal demokrat juga tidak bertoleransi... Jika demokrasi dicabar, anda akan dicap sebagai heretik... bukan penganut agama dan seorang penentang."

"Saya seorang pendukung demokrasi dan Malaysia ialah sebuah negara demokratik," kata beliau kepada anggota-anggota Majlis Perhubungan Luar pada majlis jamuan tengah hari apabila berceramah mengenai "Kepimpinan dalam Era Pasca Perang Dingin: Cabaran Perubahan".

Dr Mahathir berkata, kenyataannya mungkin membuatkan kalangan rakyat Amerika tersenyum tetapi "pandangan kami ialah demokrasi bukannya suatu agama, yang sempurna ataupun ubat bagi menyembuhkan penyakit masyarakat. -- Lagi."

▼01/10/16-22MST

U GB 01-10 00197 BH922

AAB

Mahathir - Demokrasi 2 New York

Dr Mahathir secara terus terang memberitahu para hadirin: "Ada banyak lagi kelemahan yang dikaitkan dengan pengamalan demokrasi."

Beliau berkata, contohnya ialah media yang berpengaruh lagi angkuh yang mengikut telunjuk ahli politik yang mempunyai pengaruh yang kuat", kesatuan sekerja yang berpengaruh, puak yang kuat melobi dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs).

Pemimpin dalam demokrasi Barat hanya mengambil berat untuk mengekalkan kuasa dan jika undang-undang tidak membenarkannya bertanding semula dalam pilihan raya, "maka dia dianggap sebagai presiden yang tempang yang dalam erti kata sebenarnya memang tempang pun", kata beliau.

Satu lagi masalah dalam sistem itu ialah tentang perlunya kerajaan memperolehi undi dan oleh itu, ahli politik menyokong pekerja "maka tidak hairanlah jika kadar upah dan kos meningkat, dan produktiviti dan daya saing menurun... ia akhirnya boleh menjejaskan ekonomi. Tetapi itu ditakrifkan demokratik."

Dr Mahathir juga sedih kerana dunia hanya berdiam diri dan melihat sahaja kezaliman yang dilakukan di Bosnia-Herzegovina, Nagorno-Karabakh, Abkhazia dan tempat lain tanpa menghulurkan bantuan.

Dunia dilanda masalah seperti peperangan kejam yang berlaku di tengah-tengah keruntuhan "empayar yang jahat," kebuluran, AIDS, kemiskinan, keganasan, dadah dan pelarian, kata beliau. -- Lagi.

▼01/10/16-38MST

CNS9272

R GB 01-10 00148 B391

REPEAT AAB

Mahathir - Demokrasi 3 New York

Dr Mahathir berkata: "Untuk menangani semua gejala ini, kita perlu kerajaan yang kuat dan tidak kurang juga pemimpin berpengaruh yang sedia bekerjasama".

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat berfungsi kecuali pemimpin yang berpengaruh berupaya menghulurkan bantuan negara-negara mereka, kata beliau.

Beliau mencabar para pemimpin supaya bersedia dan berani mengkaji perubahan-perubahan dan merancanginya secara bijak.

Perdana Menteri berkata: "Masanya telah tiba bagi memikirkan semula apa yang sebelumnya tidak pernah terfikir. Kecuali ada pemimpin dari negara yang berpengaruh bersedia mendepani cabaran ini, dunia akan dipimpin pemimpin yang tidak mempunyai kredibiliti atau pemimpin yang tidak mempunyai kewibawaan di negaranya sendiri."

Kemudian, Dr Mahathir memberitahu pemberita bahawa ucapannya mendapat reaksi daripada para hadirin yang bertanya sama ada pendapatnya mempunyai asas.

"Saya yakin bahawa jawapan saya tidak memuaskan hati mereka," kata beliau. -- Lagi.

01/10/16-49MST

CNS9273

R GB 01-10 00096 B394

REPEAT AAB

Mahathir - Demokrasi 4 (Akhir) New York

Mengenai pertemuannya dengan Timbalan Setiausaha Negara Amerika, Clifton Wharton Khamis, Dr Mahathir berkata, mereka membincangkan cadangan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan pandangan Amerika tentang EAEC.

Dr Mahathir berkata: "Amerika mahu lebih banyak maklumat mengenai EAEC." Dr Mahathir mengadakan perbincangan hampir sejam dengan Wharton di bilik hotel yang beliau menginap.

Beliau berkata, Wharton mengundangnya menghadiri persidangan kemuncak pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik tetapi berkata bahawa beliau belum membuat keputusan mengenai perkara itu. -- Bernama.

SAL FAZ KAM.